

PM dijangka sampaikan amanat penting

KUALA LUMPUR, Jumaat — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang akan memengerusikan buat pertama kali Mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO esok dijangka menyampaikan amanat penting yang menyentuh soal disiplin dan keutuhan parti sejajar dengan perubahan pucuk pimpinan UMNO dan negara.

Bellau juga dijangka memberi taklimat lengkap kepada ahli-ahli Majlis Tertinggi mengenai perkembangan politik dalam dan luar negeri kebelakangan ini.

Mesyuarat itu dianggap bersejarah dan membuka lambaran baru, kerana amanat Perdana Menteri itu akan dijadikan garis panduan ke arah mengekal dan menjamin kestabilan politik UMNO menghadapi tahun 1980-an.

Setiausaha Agung UMNO, Senator Datuk Mustafa Jabar yang di-ebut-sebut akan dilantik semula memegang jawatannya juga menyatakan pentingnya mesyuarat yang dipengerusikan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir.

Katanya, semua ahli MT yang dipilih dalam Perhimpunan Agung UMNO 30 Jun lalu termasuk beberapa muka baru akan hadir di mesyuarat itu.

Bagaimanapun, Datuk Harun Haji Idris yang dipilih sebagai salah seorang Naib Presiden parti tidak akan hadir, begitu juga Ketua Pergerakan Wanita UMNO, Datin Paduka Hajah Aishah Ghani yang kini bercuti di luar negeri.

Datuk Harun yang dibebaskan minggu lalu tidak dapat hadir kerana permohonan memegang jawatan Naib Presiden ditolak oleh Pendaftar Pertubuhan, 25 Julai lalu.